

Penilaian Perancangan Bandar: Kajian Kes Bandar Kota Kinabalu

Petrus bin Gandilau

Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

E-mail : petrus@dbkk.sabah.gov.my

Janice L. H. Nga

Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

E-mail: janice@ums.edu.my

Sarma bt. Aralas

Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

E-mail: miasarma@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengetahui sama ada perancangan bandar Kota Kinabalu 1914-2013 mencapai tahap cemerlang dan perlu dikekalkan atau sebaliknya. Data alat pengukur penilaian perancangan bandar seperti bandar tulen 1914-1963, bandar makmur 1964-2004 dan bandar mampan 2005-2010 dipungut daripada kajian perpustakaan, sementara data kesejahteraan hidup penduduk 2013 dipungut dengan menggunakan borang soal selidik dan diproses dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Penilaian perancangan bandar diukur dengan menggunakan skala tahap pengamalan nilai (Jabatan Perdana Menteri Putra Jaya, 2001). Pada keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa prestasi perancangan bandar Kota Kinabalu antara tahun 1914-2013 hanya berjaya mencapai tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan dengan purata markah tahap pengamalan nilai sebanyak 88.89 peratus. Prestasi perancangan bandar 1914-1963 yang diukur dengan menggunakan bandar tulen didapati cemerlang dan perlu dikekalkan. Prestasi perancangan bandar 1964-2004 yang diukur dengan menggunakan bandar makmur juga didapati cemerlang dan perlu dikekalkan. Walau bagaimanapun, prestasi perancangan bandar 2005-2010 yang diukur dengan menggunakan bandar mampan hanya mampu mencapai tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan. Begitu juga dengan prestasi perancangan bandar 2013 yang diukur dengan menggunakan persepsi kesejahteraan hidup penduduk hanya mencapai tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan. Dalam kajian kesejahteraan hidup penduduk, faktor kebahagiaan hidup penduduk merupakan faktor yang paling tinggi tahap kepuasan penduduk berbanding dengan faktor-faktor lain. Ini diikuti oleh faktor kemudahan dan perkhidmatan, lalulintas dan tempat letak kereta, pengurusan pelanggan, persekitaran dan kesihatan dan kemudahan sosial. Semua jawapan responden dalam borang soal selidik kajian persepsi kesejahteraan hidup yang dicadangkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (2013) juga disahkan konsisten dengan nilai *alpha cronbach* sebanyak 0.914. Berdasarkan hasil kajian, dicadangkan supaya perancangan bandar Kota Kinabalu perlu sentiasa dipantau untuk memberikan penduduk kesejahteraan hidup yang tinggi. Selain itu, inovasi serta kreativiti perlu digalakkan dalam penyediaan perkhidmatan awam dan membuat perancangan bandar yang benar-benar diperlukan oleh rakyat supaya matlamat sebenar perancangan bandar dapat dicapai.

ABSTRACT

This paper aims to find out whether planning Kota Kinabalu 1914-2013 achieve excellence and be maintained or otherwise. Meterage assessment of urban planning as a genuine city 1914-1963, the city prosperous and sustainable city 2005-2010 1964-2004 collected from literature review, while well-being of the population in 2013 data were collected through a questionnaire and analyzed using SPSS version 21. Evaluation urban planning was measured using the scale of the practice (Putra Jaya Prime Minister's Department , 2001). Overall, the study showed that urban planning Kota Kinabalu between 1914-2013 only able to achieve an acceptable level to continue to increase with the adoption of the scores level at 88.89 percent. Performance of urban planning 1914-1963 is measured using pure city excelled and should be maintained. Performance of urban planning 1964-2004 is measured using a prosperous city also excelled and should be maintained. However, the performance of urban planning

2005-2010 is measured using sustainable city can only achieve the necessary level of monitoring improvements. Similarly, the performance of urban planning in 2013, as measured by using the perception of well-being for residents only achieve acceptable to continue to increase. In the study of well-being of the population, the happiness factor population is the most high satisfaction population compared with other factors. It was followed by convenience factor and the service, traffic and parking management, customers, the environment and health and social services. All the answers of the respondents in the questionnaire survey of perceptions of well-being proposed by the Department of Town and Country Planning, Peninsular Malaysia (2013) also confirmed cronbach consistent with the alfa cronbach of 0.914. Based on the results, it is proposed that the planning of the city of Kota Kinabalu be monitored to provide residents with high well-being. Moreover, innovation and creativity should be encouraged in the provision of public services and urban planning that is really needed by the people so that the real goal of urban planning can be achieved.

PENGENALAN

Sejarah awal kehadiran orang Inggeris di Sabah bermula dengan beberapa percubaan untuk membuka pusat perdagangan di bahagian selatan Sabah. Pada tahun 1763, seorang pegawai muda kompeni dari Madras, Alexander Dalrymple berjaya memujuk Sultan Sulu supaya membenarkan membuat satu penempatan untuk perdagangan di Pulau Belambangan dan pada 1764 beliau juga berjaya mendapatkan kawasan Kimanis, Kinabatangan, Pulau Banggi, Palawan dan Labuan (asalnya hak Sultan Berunai) (Whelan, 1970:82). Sejarah pembukaan Jesselton oleh Syarikat Borneo Utara British Berpiagam atau *British North Borneo Chartered Company (BNBCC)* telah bermula dengan pembukaan penempatan di Pulau Gaya kerana Sultan Brunei memajakkan kawasan ini kepada Baron Von De Overbeck dan Alfred Dent pada 29 Disember 1877 dengan bayaran empat ribu ringgit setahun. Pulau Gaya telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan pelabuhan (Tregonning, 1959:6) tetapi Mat Salleh telah menyerang dan membakar pusat pentadbiran British ini menyebabkan British Borneo Utara kerugian dengan anggaran USD100,000.00 (Buyong Haji Adil, 1981:3). Serangan dan kerugian ini telah menyebabkan pihak British telah memindahkan pusat pentadbiran yang baru, iaitu di Gantian. Laut di tepi pantai Gantian ternyata cetek dan ini menyebabkan kapal-kapal dagang enggan atau tidak dapat berlabuh di kawasan perairan laut Gantian. Oleh yang demikian, pihak British telah mencari satu tempat yang sesuai, iaitu dipanggil Deasoka yang mana kawasan ini berada dikawasan Api-Api. Api-Api seterusnya berkembang dan akhirnya dipanggil Jesselton (hari ini Kota Kinabalu).

Perancangan bandar bermula dari satu proses perancangan untuk membangunkan sesebuah kawasan dan berakhir dengan melaksanakan perancangan bandar tersebut (Norizz, 2010:1). Contohnya pada tahun 1930, peruntukan perancangan bandar Borneo Utara (Sabah) ialah USD3.4 juta, sementara perancangan bandar yang berjaya dilaksanakan ialah hanya USD2.3 juta (*Annual report on the Colony of North Borneo, 1947*). Perancangan bandar ini termasuklah mengadakan jalan raya, membina bangunan bank, cawangan pasaraya utama, sekolah menengah, hospital, panggung wayang dan penerbitan akhbar minggu (Glasson, 1991:157 dalam Smailes (1944)). Jika semua syarat ini dipenuhi maka prestasi perancangan bandar ini dipanggil bandar tulen (Glasson, 1991:157 dalam Smailes (1944)) dan prestasi perancangan bandar berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan (Jabatan Perdana Menteri, 2007:6). Selepas merdeka pada 1964, pertumbuhan ekonomi negeri Sabah kian meningkat. Pengukuran ekonomi tradisional ialah mempunyai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 5 hingga 7 peratus atau lebih setahun (Todaro, 2000:14). Ini bermakna jika sesebuah negara telah mencapai pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya 5 peratus atau lebih setahun maka bandar tersebut layak dipanggil bandar makmur dan prestasi perancangan bandar berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan.

Perancangan bandar pada 2010 telah menggambarkan bandar mampan yang mementingkan gabungan kecekapan ekonomi, integriti persekitaran dan kesejahteraan manusia (Abdul Hadi Harman dan Junaenah Sulehan, 2003). Data bandar mampan 2010 telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semananjung Malaysia. Sesebuah bandar dikatakan bandar mampan apabila tahap kemampunan bandar mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia, 2011). Konsep kesejahteraan hidup 2013 bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi malah merangkumi aspek-aspek yang bukan material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada (Mohd Shaladdin Muda *et al*, 2006:60 dalam Siti Fathimah Abdul Rahman (2006)). Pendapat Siti Fathimah Abdul Rahman ini disokong oleh Mohd Yusuf Hussain *et. al* (2011) bahawa kesejahteraan adalah sentosa, makmur serta baik sama ada dalam bentuk fizikal atau bukan fizikal. Ini bermakna, kesejahteraan hidup adalah merangkumi kebahagiaan

hidup, kemudahan dan perkhidmatan, kemudahan sosial, pengurusan pelanggan pihak berkuasa tempatan/PBT, kebersihan persekitaran, kesihatan, pengurusan lalulintas dan tempat letak kereta untuk pengguna (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia, 2013). Petunjuk kebahagiaan hidup penduduk terdiri daripada tahap stres, kesihatan, kebahagiaan pasangan dan keluarga, pengurusan pelanggan PBT, kebersihan persekitaran dan kesihatan, kesorongan bekerja, kepuasan pendapatan bulanan, hubungan baik dengan jiran, aktiviti komuniti, keselamatan di tempat kediaman, kepuasan kemudahan awam, kepuasan pentadbiran PBT, perkhidmatan wakil rakyat dan tahap kualiti alam sekitar (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia, 2013).

Kesimpulannya, penilaian perancangan bandar ini bermula dengan penilaian bandar tulen, 1914 dan berakhir dengan persepsi kesejahteraan hidup penduduk, 2013. Kesejahteraan hidup penduduk adalah merangkumi perancangan material, pertumbuhan ekonomi dan tahap kebahagiaan hidup. Oleh yang demikian, penilaian perancangan bandar harus dinilai melalui kemajuan perancangan bandar yang berbentuk material, bukan material dan pertumbuhan ekonomi.

KAJIAN LEPAS

Satu kajian perancangan bandar yang berbentuk material, iaitu struktur guna tanah di bandar Chicago dirumuskan sebagai bersifat berpusat (Kamarudin Ngah, 1993:5) dalam Burgess (1925). Dalam kajian ini, penilaian perancangan bandar dikaitkan dengan syarat bandar tulen, iaitu adanya 7 jenis kemajuan perancangan bandar yang berbentuk material seperti jalan raya, bank, cawangan pasaraya utama, sekolah menengah, hospital, panggung wayang dan akhbar mingguan (Glasson, 1991:157 dalam Smailes, 1944). Secara keseluruhannya bandar Chicago hampir mencapai tahap bandar tulen kerana zon-zon di dalamnya mempunyai 4 jenis kemajuan perancangan bandar yang berbentuk material seperti jalan raya, bank, hotel dan panggung wayang yang mana telah memberi tahap pengamalan nilai sebanyak 57 peratus. Oleh yang demikian, prestasi perancangan bandar bagi zon-zon tersebut perlu kepada penambahbaikan dan pemantauan. Purata KDNK Malaysia pada 2006-2007 berkembang sebanyak 6.1 peratus, iaitu melepas sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 6.0 peratus (Jabatan Perdana Menteri Putrajaya, 2008). Pertumbuhan ekonomi asas ialah sekurang-kurangnya 5 peratus atau lebih setahun (Todaro, 2000:14). Oleh kerana purata KDNK Malaysia pada 2006-2007 berada pada tahap 6.1 peratus maka status Malaysia dalam tempoh ini layak digelar bandar makmur dan prestasi perancangan bandar berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan.

Nilai purata bandar mampan Kuantan 2007-2010 ialah 79.15 peratus (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia, 2011). Nilai kemampanan bandar Kota Kinabalu 2004 ialah 70.83 (Jabatan Perancangan dan Desa Semananjung Malaysia, 2005:40) Oleh yang demikian, prestasi kemampanan bandar Kuantan dan Kota Kinabalu ialah sederhana mampan yang mana ini menggambarkan prestasi perancangan bandar sebagai perlu penambahbaikan dengan pemantauan. Pada tahun 2000, satu kajian kesejahteraan hidup (bukan material), iaitu kajian dibuat terhadap tiga kawasan bandar, iaitu Ipoh, Johor Bahru dan Kota Kinabalu yang melibatkan sejumlah 2,304 ketua isi rumah, menunjukkan hampir tiga per empat daripada responden berpuashati dan sangat berpuashati dengan kebahagiaan hidup mereka (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2012). Ini bermakna, prestasi perancangan bandar ialah pada tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan.

METODOLOGI

Pengukuran penilaian perancangan bandar ini bermula dari tahun 1914, iaitu menggunakan alat pengukur bandar tulen dan berakhir pada 2013 dengan menggunakan alat pengukur persepsi kepuasan kesejahteraan hidup penduduk. Kerangka kajian ialah penilaian perancangan bandar dipengaruhi oleh alat pengukur penilaian perancangan bandar yang terdiri daripada bandar tulen, bandar makmur, bandar mampan dan kesejahteraan hidup penduduk. Bandar tulen dipengaruhi oleh kesediaan pelaksanaan perancangan bandar pada tahun 1914-1963 seperti jalan raya, bank, cawangan pasaraya utama, sekolah menengah, hospital, panggung wayang dan akhbar mingguan (Glasson, 1991:157 dalam Smailes, 1944). Bandar makmur 1964-2004 pula dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan ekonomi asas seperti KDNK antara 5 peratus hingga 7 peratus atau lebih setahun (Todaro, 2000:14). Bandar mampan 2005-2010 ditentukan oleh tahap kemampanan bandar (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2012). Kesejahteraan hidup penduduk 2013 dipengaruhi oleh kepuasan penduduk terhadap kebahagiaan hidup, kemudahan dan perkhidmatan, kemudahan sosial, pengurusan pelanggan PBT, kebersihan persekitaran dan kesihatan dan pengurusan lalulintas dan tempat letak kereta untuk masyarakat (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia, 2012).

Kesemua data alat pengukur penilaian perancangan bandar diperoleh daripada kajian perpustakaan kecuali faktor kesejahteraan hidup penduduk yang diperolehi melalui borang soal selidik. Sebelum pemprosesan data kesejahteraan hidup penduduk kajian dibuat, jawapan menerusi soal selidik daripada 450 responden (Krejcie and Morgan, 1970) telah diuji terlebih dahulu menggunakan nilai *alpha cronbach*. Nilai *alpha cronbach* adalah konsisten dan pada tahap yang baik. Jika nilai koefisien kebolehpercayaan (*alpha cronbach*) melebihi 0.7, maka jawapan responden dalam borang soalselidik berkenaan adalah konsisten dan pada tahap yang baik (Hair et al, 2003). Semua jawapan responden dalam borang soal selidik dinilai menggunakan 5 skala *Likert*, iaitu dari 0 = tidak ada jawapan/tidak berkenaan hingga 4 = sangat berpuas hati. Data diproses menggunakan SPSS versi 21. Dalam kajian ini, teori tingkahlaku terancang atau *theory of planned behavior* (TPB) (Ajzen , 1991) telah digunakan sebagai asas. TPB kemudian disesuaikan dengan alat-alat pengukur perancangan bandar Kota Kinabalu.

Prestasi perancangan bandar adalah berdasarkan kepada skala tahap pengamalan nilai, iaitu markah 59 peratus ke bawah menggambarkan sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan, markah 60-79 peratus menggambarkan perlu penambahbaikan dengan pemantauan, markah 80-89 peratus menggambarkan boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan, dan markah 90 peratus ke atas menggambarkan cemerlang dan perlu dikekalkan (Jabatan Perdana Menteri, 2007:6). Skala tahap pengamalan nilai merupakan satu kaedah untuk menilai prestasi perkhidmatan sesebuah organisasi atau perseorangan. Misalnya, kaedah ini pernah digunakan Jabatan Perdana Menteri untuk menilai prestasi perkhidmatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 2004.

DAPATAN KAJIAN

Penilaian perancangan bandar Kota Kinabalu 1914-2013 adalah bergantung kepada markah tahap pengamalan nilai setiap alat pengukur perancangan bandar, iaitu bandar tulen 1914-1963, bandar makmur 1964-2004, bandar mampan 2005-2010 dan kesejahteraan hidup penduduk 2013.

BANDAR TULEN 1914-1963

Perancangan bandar Jesselton (Kota Kinabalu) oleh pihak British yang pertama 1914 ialah membina dispensari di Jesselton dan dispensari pertama daerah Tambunan (Jeffry G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili, 1989:229). Ini bermakna, pada 1914 bandar Jesselton telah memenuhi satu syarat bandar tulen kerana memiliki hospital.

Pada tahun 1930'an pihak British telah membina jalan raya (termasuk landasan keretapi) untuk mengangkut bahan-bahan mentah seperti hasil-hasil pertanian, lombong dan pembalakan dari pedalaman ke pelabuhan Kota Kinabalu untuk kepentingan sendiri (Raduan Mohd. Ariff, 1957). Misalnya, pada tahun 1930'an, Cartered Company telah membina jalan raya *metalled*, iaitu sepanjang 103 batu yang kesemuanya di bina di sekitar bandar Jesselton, Sandakan, Tawau dan interior (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1947:38). Ini bermakna, pada tahun 1930'an bandar Jesselton telah memenuhi dua syarat bandar tulen kerana memiliki hospital dan jalan raya (termasuk landasan keretapi) (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1947:50). Pada 1944, bandar Jesselton telah memenuhi empat syarat bandar tulen kerana telah mempunyai hospital, jalan raya, sekolah menengah dan akhbar mingguan (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1947:50). Sehingga tahun 1944, terdapat tujuh buah sekolah *mission* di Jesselton yang mengandungi *junior secondary classes* seperti *standard of Oversea Junior Certificate* dan sebuah akhbar English yang dipanggil *British North Borneo Herald*.

Pada 1947, bandar Jesselton telah memenuhi lima syarat bandar tulen kerana memiliki hospital, jalan raya, sekolah, akhbar mingguan dan bank (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1947:50). Pada 1947 hingga 1960, terdapat 2 bank sahaja di Jesselton, iaitu *Chartered Bank of India, Australia and China* dan *Hongkong and Shanghai Banking Corporation* yang memberi kemudahan bank simpanan (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1962:49-50). Pada 1953, bandar Jesselton telah memenuhi enam syarat bandar tulen kerana memiliki hospital, jalan raya, sekolah, akhbar mingguan, bank dan pasar raya (awam), (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1947:52-62). Pada 1953, pasar awam di Jesselton (Tanjung Aru) telah siap dibina (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1953:88). Pada 1962, bandar Jesselton telah memenuhi tujuh syarat bandar tulen kerana memiliki hospital, jalan raya, sekolah, akhbar mingguan, bank, pasar raya (awam) dan panggung wayang. Misalnya, pada 1962, filem A 16 m.m. dan 35 m.m telah diberikan kepada panggung wayang awam dan peminjam persendirian untuk ditayangkan di seluruh pekan-pekan

utama (*Annual report on the Colony of North Borneo*, 1962). Dengan kata lain, pada 1962 bandar Kota Kinabalu adalah sebuah bandar tulen kerana mencapai tujuh syarat bandar tulen yang diperkenalkan oleh Smailes (1944). Markah tahap pengamalan nilai ialah sebanyak 100 peratus dan prestasi perancangan bandar ialah cemerlang dan perlu dikekalkan.

BANDAR MAKMUR 1964-2004

Pemarkahan pertumbuhan ekonomi Kota Kinabalu adalah berasaskan kepada nilai KDNK antara 5 peratus hingga 7 peratus atau lebih setahun (Todaro, 2000:14). Oleh kerana purata pertumbuhan ekonomi minimum bandar Kota Kinabalu bagi tempoh 1964-2004 ialah 5.01 peratus setahun (Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, 1969-2005) dan telah melebihi sekurang-kurangnya 5 peratus setahun, maka bandar Kota Kinabalu layak digelar bandar makmur. Prestasi tahap pengamalan nilai bagi bandar Kota Kinabalu sepanjang tempoh 1964-2004 ialah 100 peratus dan prestasi perancangan bandar berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan.

BANDAR MAMPAH 2005-2010

Bandar mampah ialah bandar yang mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Purata kemampahan bandar Kota Kinabalu dari tahun 2005-2010 ialah 74.42 peratus (Jabatan Perancangan dan Desa Semananjung Malaysia, 2005-2012). Ini bermakna tahap kemampahan bandar Kota Kinabalu ialah di peringkat sederhana mampah sahaja. Dengan kata lain, markah tahap pengamalan nilai sebanyak 74.42 peratus menggambarkan bahawa prestasi perancangan bandar masih berada pada tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan.

PERSEPSI KESEJAHTERAAN HIDUP 2013

Nilai koefisien kebolehpercayaan (*alpha cronbach*) secara keseluruhan bagi jawapan dalam borang soal selidik ini ialah 0.914. Mengikut Hair *et al.*, (2003), jika nilai koefisien kebolehpercayaan melebihi 0.7, maka jawapan dalam borang soal selidik berkenaan adalah konsisten dan pada tahap yang baik. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa sejumlah 81.13 peratus atau 379 responden adalah berpuas hati dengan kesejahteraan hidup yang merangkumi kebahagiaan hidup, kemudahan dan perkhidmatan, kemudahan sosial, pengurusan pelanggan PBT, kebersihan persekitaran dan kesihatan dan pengurusan lalulintas dan tempat letak kereta untuk masyarakat. Faktor kebahagiaan penduduk merupakan faktor yang paling tinggi berpuas hati berbanding dengan faktor-faktor lain iaitu sebanyak 87.85 peratus atau 379 responden. Ini diikuti oleh faktor kemudahan dan perkhidmatan (82.28 peratus), lalulintas dan tempat letak kereta (81.15 peratus), pengurusan pelanggan (79.69 peratus), persekitaran dan kesihatan (79.33 peratus) dan kemudahan sosial (76.5 peratus). Oleh kerana tahap pengamalan nilai persepsi kesejahteraan hidup penduduk 2013 yang bernilai 81.13 peratus, maka ini menggambarkan bahawa prestasi perancangan bandar 2013 ialah pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Keputusan kajian terhadap semua alat pengukur perancangan bandar Kota Kinabalu 1914-2013 mengikut skala tahap pengamalan nilai ialah bandar tulen 1914-1963 sebanyak 100 peratus, bandar makmur 1964-2004 sebanyak 100 peratus, bandar mampah 2005-2010 sebanyak 74.42 peratus dan kesejahteraan hidup penduduk 2013 sebanyak 81.13 peratus. Ini bermakna purata skala tahap pengamalan nilai ini ialah 88.89 peratus. Oleh yang demikian, prestasi perancangan bandar Kota Kinabalu dari 1914-2013 ialah pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan sahaja.

Secara umum, hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak perancang bandar mengenai terhadap prestasi perancangan bandar, iaitu dari zaman penjajahan hingga ke hari ini. Hasil kajian juga dapat memberi maklumat kepada pihak perancang bandar tentang faktor-faktor berhubung kesejahteraan hidup penduduk yang perlu diberi perhatian supaya semua kelemahan perancangan bandar yang telah berlaku dapat diperbaiki. Sejarah dengan itu, matlamat sebenar perancangan bandar di Kota Kinabalu mudah dicapai. Selain itu, dicadangkan juga supaya pengkaji

selanjutnya dapat menentukan sasaran kajian perancangan bandar yang perlu diberi perhatian supaya skop kajian penilaian perancangan bandar ini dapat diperluaskan lagi untuk kegunaan penyelidikan selanjutnya. Perancangan bandar Kota Kinabalu belum lagi mencapai prestasi perancangan bandar pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan kerana terdapat beberapa faktor kesejahteraan hidup penduduk yang masih lagi kurang memuaskan. Ini terbukti melalui tahap kemampunan bandar yang masih dalam tahap sederhana mampam.

Berdasarkan hasil kajian ini, dicadangkan supaya perancangan bandar Kota Kinabalu sentiasa dipantau dari masa ke semasa agar apa juga perancangan bandar yang dilaksanakan akan sentiasa memberi kesejahteraan hidup yang tinggi kepada penduduk. Pihak perancang bandar juga hendaklah membuat perancangan bandar yang benar-benar diperlukan oleh rakyat supaya tidak berlaku pembaziran sumber dan kos, kebahagiaan hidup penduduk meningkat dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dapat dicapai. Usaha-usaha yang lebih terancang perlu dilaksanakan bagi mengembangkan budaya inovasi dan kreativiti dalam perkhidmatan awam sejajar dengan aspirasi kerajaan, iaitu agenda transformasi negara perlu berpaksikan inovasi dan kreativiti (Ismail Awang, 2011). Akhir sekali, menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam penyediaan perkhidmatan awam akan merealisasikan perancangan bandar yang baik.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Harman dan Junaenah Sulehan. (2003). *Perancangan Pembangunan Daerah Yang Mampam*. Boston: WITPRESS Shouthampton, Boston.
- Ajzen . (1991). The theory of planned behaviour. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes* 50 , 179-211.
- Annual report on the Colony of North Borneo. (1947:50). *Scondary and post-primary education*. Jesselton: Government printer, Jesselton, Nort Borneo.
- Annual report on the Colony of North Borneo. (1947:50). *Scondary and post-primary education*. Jesselton: Government printer, Jesselton, Nort Borneo.
- Buyong Haji Adil. (1981:3). *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005, Disember 19). *Hati-Hati memilih*. Retrieved Ogos 26, 2014, from Antara mapan dengan mampam: www.dbp.gov.my/klikdbp/klik4dis5.pdf
- Glasson. (1991:157 dalam Smailes (1944). *Pengenalan Perancangan Wilayah: Konsep Teori Dan Amalan*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS, Ampang/Hulu Kelang.
- Hair et al. (2003). *Multivariate data analysis*. NJ: Prentice-Hall, Upper Saddle River, NJ.
- Ismail Awang. (2011, 11 8). *Utusan online*. Retrieved 4 26, 2014, from Memupuk budaya kreatif dan inovatif sektor awam: <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y...>
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia. (2011, 10 1). *MURNInets*. Retrieved 12 27, 2013, from Pencapaian kemampunan 2008-2009: : <http://murninet.townplan.gov.my/murninets/page/pencapaian-kemampunan-2007>
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia. (2013). *Kajian indeks kebahagiaan penduduk di kawasan bandar*. Kota Kinabalu: Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semananjung Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semananjung Malaysia. (2011, Oktober 1). *Pencapaian kemampunan 2008-2009*. Retrieved Disember 27, 2013, from MURNInets: <http://murninet.townplan.gov.my/murninets/page/pencapaian-kemampunan-2007>
- Jabatan Perancangan dan Desa Semananjung Malaysia. (2005-2012). (2005). *Pelaksanaan Petunjuk Bandar Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan bandar Dan Desa Semananjung Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (1969-2005). *Sabah Buku Tahunan Perangkaan*. Kota Kinabalu. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah.
- Jabatan Perdana Menteri. (2007:6). *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri Putra Jaya. (2001). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. Selangor: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Blok B5 dan B6, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya. Malaysia.
- Jeffry G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili. (1989:229). *Sabah 25 Years later, 1963-1988*. Kota Kinabalu: Institut For Development Studies (Sabah).
- Kamarudin Ngah. (1993:5). *Peraturan dan kawalan guna tanah bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Krejcie and Morgan. (1970). *Research metod for business*.
- Mohd Shaladdin bin Muda., Wan Abdul Aziz Bin Wan Mohd Amin., Nik Wan Bin Omar. (2006:60 dalam Siti Fathimah Abdul Rahman (2006, Januari 25). *Kreteria kualiti hidup berkeluarga*. Retrieved April 30, 2014, from Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir: http://www.management.utm.my/download/doc_view/61-analisis-kesejahteraan-hidup-nelayan-pesisir.html
- Mohd Yusof Hussain., Mohd Sahrudin Samsurijan., Suraiya Ishak., Abdul Hair Awang. (2011, Januari 25). *Malaysia Journal of Society and Space 7 issue 3 (36-44)*. Retrieved April 30, 2014, from Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar':Kes kajian kampung Berjaya dan kampung Mempelam, Alor Star, Malaysia: <http://www.ukm.my/geografi/images/upload/5.2011-3-Yusof%20dkk%20ukm-melayu-ed-katiman-3.pdf>
- Noriizz. (2010:1, Ogos 28). *Definisi perancangan dan pembangunan bandar Islam*. Retrieved April 10, 2014, from Definisi perancangan dan pembangunan bandar Islam: http://noriizzconsultants2u.blogspot.com/2010/08/definisi-perancangan-pembangunan-bandar_28.html
- Raduan Mohd. Ariff. (1957). *Dari Pemungutan Tripang ke penundaan udang*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Todaro. (2000:14). *Economic Development*. England: Pearson Education Limited, Edinburgh Gate, Harlow,Essex CM20 2JE, England.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2012). *Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Ibu Pejabat Kuala Lumpur.